

05/08/2003

17 jam 42 minit penuh getir

Zairee Zahir

Mukadimah

KEJAYAAN Abdul Malik Mydin merentasi Selat Inggeris dari Abbot Cliff di Dover ke Pantai Wissant di Calais, Perancis semalam adalah sejarah besar buat Malaysia.

Selain membuktikan keupayaan rakyat negara yang hanya mempunyai 23 juta penduduk, ia juga menyemarakkan semangat Malaysia Boleh diterapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ikuti luahan Abdul Malik, 28, kepada wartawan ZAIREE ZAHIR mengenai detik yang dihadapinya sejak dia mula turun ke Pantai Dover untuk mula berenang, detik getir di tengah laut Selat Inggeris dan rasa syukur yang menyapa hatinya apabila mendengar siren penamat dibunyikan Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF).

"SEBAIK keluar dari hotel jam 12.45 pagi dan berjalan sehingga tiba di kawasan marina saya masih boleh bersikap tenang tetapi apabila mula bertolak ke Abbot Cliff dengan sebuah bot, saya berasa sedikit mabuk laut dan meminta jurulatih, John (Van Wisse) agar cepat menyapu gris ke badan.

Panggilan telefon daripada Perdana Menteri dan isterinya (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali) ketika berada di dalam bot memulihkan semula semangat saya.

Ketika mula turun ke laut dan berenang ke arah pantai, saya berasa sedikit terkejut kerana mendapati air begitu sejuk kira-kira 16 darjah Celsius sedangkan jangkakan awal ia lebih panas.

Namun saya segera melontarkan perasaan itu jauh-jauh. Saya berdiri kira-kira 30 saat di atas pantai sebelum memfokuskan perhatian dan memulakan renangan apabila siren permulaan dibunyikan pihak CSPF dari atas bot pengiring utama, Aegean Blue.

Selepas berkuat beberapa minit, saya dapat mengatasi rasa dingin air dan berenang dengan tempo kelajuan yang baik dan konsisten ketika menghala keluar dari kawasan perairan Dover.

Dalam kesejukan dan kegelapan malam itu, saya turut berzikir sambil berenang dan memberi tumpuan terhadap bot pengiring.

Setiap 20 minit, saya terdengar suara John yang memekik dari atas bot supaya saya berhenti untuk makan (gel bertenaga) dan minum minuman khas (campuran magnesium dan karbohidrat).

Saya terus berenang dengan baik sehingga mencecah ke garisan laluan kedua laluan kapal, menandakan kawasan dalam yang bersuhu lebih dingin kerana adanya arus sejuk dari Laut Utara.

Saya berasa lebih lega apabila matahari mula terbit selepas kira-kira 3 jam berada di dalam air dan dapat melihat dua lagi bot pengiring yang dinaiki beberapa penyokong dan krew serta pihak media.

Biarpun laut berkabus tebal di pertengahan jarak renangan, saya tidak hilang punca dan terus berenang di sisi bot pengiring utama.

Saya mula berasa letih apabila melepasi jarak pertengahan kerana ombak menjadi lebih besar, tambahan pula gelombang terhasil daripada kapal dagang dan feri penumpang yang melalui kawasan itu.

Seorang perenang tempatan yang dilatih CSPF, turun ke laut untuk membantu meningkatkan semula tempoh renangan saya.

Namun cabaran sebenar ialah apabila saya semakin menghampiri pantai Calais dan mendapati keadaan ombak agak tinggi, kira-kira 1.5 hingga 2.0 meter.

Saya dapat melihat pantai Cap Gris Nez dan menyangka daratan semakin hampir tetapi John dan Freeda (Streeter) memberitahu saya terpaksa

mengubah tempat mendarat.

Ketika itu saya menjadi tidak tentu arah. Tetapi saya nekad untuk terus berenang. Saya teringat janji saya kepada Datuk Hishammuddin Hussein (Menteri Belia dan Sukan) bahawa saya tidak akan mengalah.

Jika sekalipun mahu mengangkat badan saya ke atas bot, biarlah selepas bercerai nyawa.

Alhamdulillah, selepas berhempas pulas dan hampir hilang punca pada jarak beberapa kilometer terakhir itu, saya masih dapat mengawal renangan biarpun tertanya-tanya mengapa haluan bot pengiring bertukar beberapa kali.

Mungkin itu perkara biasa apabila perenang berasa terlalu keletihan di mana emosi juga berada dalam keadaan tertekan.

Tapi selepas melihat John turut terjun ke laut dan berenang di sisi, barulah saya sedar pantai Calais semakin hampir. Hati saya membisikkan rasa syukur kepada Allah apabila kaki saya mula menyentuh dasar pantai Calais.

Dalam keadaan gembira dan terharu, saya melangkah ke gigi air dan diserbu sekumpulan penyokong yang bertepuk tangan, bersorak sambil memegang Jalur Gemilang. Tidak sangka masih ada penyokong sanggup menunggu di situ biarpun tempat mendarat terpaksa ditukar beberapa kali.

Saat paling manis dan pasti menjadi ingatan ialah bunyi siren penamat daripada pegawai CSPF dalam bot utama, menandakan misi saya mengangkat nama Malaysia sejak empat tahun lalu akhirnya menjadi kenyataan."